



SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 17 TAHUN 1982

Tuan,

PERTUKARAN BENTUK PEPERIKSAAN BAGI PERKARA-PERKARA TERTENTU DALAM
SUKATAN
PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN BAGI PEGAWAI KERANI AM, PEGAWAI KERANI RENDAH,
JURUTRENGKAS DAN LAIN-LAIN PERKHIDMATAN DALAM KUMPULAN C DAN D

1. Tujuan

1.1 Tujuan Surat Pekeliling ini ialah untuk memaklumkan bahawa bentuk peperiksaan bagi perkara-perkara tertentu dalam semua sukatan peperiksaan perkhidmatan dalam Kumpulan C dan D ditukar dari bentuk esei kepada bentuk aneka pilihan (objektif).

2. Perlaksanaan

2.1 Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam dalam mesyuaratnya pada 30hb Mac 1982 telah melulus dan menetapkan supaya semua peperiksaan bagi perkara-perkara tertentu iaitu:

- (a) Arahan Perkhidmatan;
- (b) Amalan Kesetiausahaan;
- (c) Peraturan Kewangan;
- (d) Perintah Am; dan
- (e) Perkara Am.

diadakan dalam bentuk aneka pilihan (objektif) bagi semua sukatan peperiksaan perkhidmatan bagi

- (i) Pegawai Kerani Am;
- (ii) Pegawai Kerani Rendah; dan
- (iii) Jurutrengkas.

2.2 Bagi Sukatan-sukatan Peperiksaan Perkhidmatan lain dalam Kumpulan C dan D yang terpakai di Kementerian sekarang ini bolehlah diteruskan peperiksaannya dalam bentuk esei buat sementara. Ketua-ketua Jabatan berkenaan hendaklah menukar bentuk peperiksaan dalam perkara-perkara tertentu itu dari bentuk esei kepada bentuk aneka pilihan (objektif) apabila sudah ada kepakaran dan peralatan

untuk tujuan itu. Nasihat-nasihat berkaitan dengan penyediaan sukatan peperiksaan dalam bentuk aneka pilihan (objektif) ini bolehlah diminta daripada Urusetia Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan

Awam; dan sukatan-sukatan itu pula sebelum dipakai hendaklah terlebih dahulu dikemukakan kepada Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam untuk mendapat kelulusan sewajarnya.

3. Pindaan kepada Bahagian III - Perkara Am, Sukatan Peperiksaan Pegawai Kerani Am

3.1 Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam juga telah meluluskan pindaan kepada Bahagian III - Perkara Am, Sukatan Peperiksaan Perkhidmatan Kedua Bagi Pegawai Kerani Am seperti di [Lampiran "B"](#)

4. Tarikh Kuatkuasa

4.1 Peperiksaan perkara-perkara tertentu dalam bentuk aneka pilihan (objektif) akan berkuatkuasa mulai daripada 1hb Julai 1983. Urusan peperiksaan ini yang pertama kalinya mengikut sukatan-sukatan peperiksaan yang baru di dalam pekeliling ini akan diumumkan oleh Urusetia Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam.

5. Sukatan Peperiksaan

5.1 Sukatan-sukatan peperiksaan perkhidmatan berkenaan ada dilampirkan seperti berikut:

- (i) Sukatan Peperiksaan Perkhidmatan Pertama bagi Pegawai Kerani Am di [Lampiran "A"](#);
- (ii) Sukatan Peperiksaan Perkhidmatan Kedua bagi Pegawai Kerani Am di [Lampiran "B"](#);
- (iii) Sukatan Peperiksaan Perkhidmatan Pertama bagi Pegawai Kerani Rendah di [Lampiran "C"](#);
- (iv) Sukatan Peperiksaan Perkhidmatan Kedua bagi Pegawai Kerani Rendah di [Lampiran "D"](#);
- (v) Sukatan Peperiksaan Perkhidmatan Pertama bagi Jurutrengkas di [Lampiran "E"](#);
- (vi) Sukatan Peperiksaan Perkhidmatan Kedua bagi Jurutrengkas di [Lampiran "F"](#);
- (vii) Sukatan Peperiksaan Khas bagi Pegawai Kerani Rendah di [Lampiran "G"](#).

6. Pembatalan

6.1 Dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini sukatan-sukatan peperiksaan perkhidmatan berikut:

- (i) Sukatan Peperiksaan Perkhidmatan bagi Pegawai Kerani Am dan Pegawai Kerani Rendah yang dikeluarkan melalui surat Bil. JPA. Sulit 131/83/B Jld. 11/83 bertarikh 29-1-74; dan
- (ii) Sukatan Peperiksaan Perkhidmatan bagi Jurutrengkas yang dikeluarkan melalui surat Bil. JPA. Sulit 313/90/Jld. II/28 bertarikh 29-10-74.

adalah dibatalkan mulai daripada 1hb Julai, 1983.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(MOHD NOORANI BIN KAMARUN) .
*Bahagian Perkhidmatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.*

1hb Julai, 1982.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian,
Semua Ketua Jabatan Persekutuan,
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.
Semua Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun,
Semua Pihak Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.

PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PERTAMA BAGI PEGAWAI
KERANI AM

1. Tujuan Peperiksaan Untuk disahkan dalam jawatan.
2. Pegawai yang berkelayakan mengambil peperiksaan Pegawai-pegawai Kerani Am dalam percubaan
3. Sukatan Peperiksaan: (termasuk markah lulus, masa dan buku-buku rujukan). BAHAGIAN I - UJIAN MENAIP

Kederasan hendaklah tidak kurang dari 18 p.s.m. Ujian ini hendaklah dijalankan mengikut peraturan di dalam Panduan Cara-cara Memeriksa Peperiksaan Ujian Kederasan dan Kecekapan bagi Jurutaip.

BAHAGIAN II -ARAHAN PERKHIDMATAN

Soalan-soalan adalah berdasarkan kepada Buku Arahan Perkhidmatan.

Masa 1 jam.

Markah 100.

Soalan: (aneka pilihan) 40.
...

Calon-calon *adalah dibenarkan* membuat rujukan kepada bahan-bahan bacaan.

BAHAGIAN III - PERINTAH AM

Soalan-soalan adalah berdasarkan kepada Buku Perintah Am Bab A, B, C dan D Bahagian I.

Masa 1 1/2 jam.

Markah 100.

Soalan: (aneka Pilihan) 60.
...

Calon-calon *adalah dibenarkan* membuat rujukan kepada bahan-bahan bacaan.

BAHAGIAN IV - PERATURAN KEWANGAN

Soalan-soalan adalah berdasarkan kepada Buku Arahan Perbendaharaan Bab BI (i) - (viii).

Masa 1 jam.

Markah 100.

Soalan: (aneka pilihan) 40.
...

Calon-calon *adalah dibenarkan* membuat rujukan kepada bahan-bahan bacaan.

4. Pengecualian Calon-calon yang telah lulus dalam mana-mana Bahagian adalah dikecualikan daripada mengambil bahagian tersebut.
5. Kelulusan Lulus/Kandas.
6. Pemeriksa Akan dilantik oleh Panel Subjek Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam.
7. Bahasa: (soalan dan jawapan) Bahasa Malaysia.
8. Permohonan dikemukakan kepada Urusetia Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia.
9. Pusat Peperiksaan Akan ditetapkan oleh Urusetia Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia.
10. Keseringan dan tarikh peperiksaan Dua kali setahun.
11. Tarikh akhir mengemukakan permohonan Sebulan sebelum tarikh peperiksaan.

CATITAN

Senarai bahan-bahan bacaan:

Bahagian II ... Arahan Perkhidmatan.

Bahagian III ... Perintah Am.

Bahagian IV ... Arahan Perbendaharaan.

PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN KEDUA BAGI PEGAWAI
KERANI AM

1. Tujuan Peperiksaan Untuk melangkah sekatan kecekapan.
2. Pegawai yang berkelayakan mengambil peperiksaan Pegawai-pegawai Kerani Am yang telah disahkan dalam jawatannya.
3. Sukatan Peperiksaan: (terkertas, markah, soalan dan masa yang ditetapkan) BAHAGIAN I - PERATURAN KEWANGAN

Soalan-soalan adalah berdasarkan kepada Buku Arahan
Perbendaharaan.

Masa	1	1/2	jam.
Markah	100.
Soalan: (aneka pilihan)	...	60.				

Calon-calon *adalah dibenarkan* membuat rujukan kepada
bahan-bahan bacaan.

BAHAGIAN II - PERINTAH AM

Soalan-soalan adalah berdasarkan kepada Buku Perintah
Am, Undang-undang Pencen dan Kumpulan Am, Undang-
undang Pencen dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja-
pekerja.

Masa	1	1/2	jam.
Markah	100.
Soalan: (aneka pilihan)	...	60.				

Calon-calon *adalah dibenarkan* membuat rujukan kepada

bahan-bahan bacaan.

BAHAGIAN III - PERKARA AM

(1) *Masyarakat Malaysia*

- (i) Asal Usul Kaum-kaum di Malaysia.
- (ii) Konsep-konsep Perpaduan.

(2) *Jentera Pentadbiran Kerajaan*

- (i) Susunan Jentera Pentadbiran Kerajaan Malaysia.
- (ii) Fungsi-fungsi Umum Agensi-agensi Pusat.
- (iii) Sistem Pentadbiran dan Jentera Pelaksanaan yang berkenaan.

(3) *Perlembagaan Persekutuan*

(i) Bahagian 1:

Negeri-negeri, Ugama dan Undang-undang
Bagi Persekutuan.

(ii) Bahagian 2:

Kebebasan Asasi.

(iii) Bahagian 4:

- (a) Kepala Utama Negara.
- (b) Majlis Raja-raja.
- (c) Pemerintah.
- (d) Badan Perundangan
- (e) Persekutuan.
- (f) Acara Perundangan.
Keupayaan Terhadap Harta,
Kontrak dan Guaman.

(4) *Dasar Kerajaan Semasa*

- (i) Dasar Pembangunan Malaysia.
- (ii) Dasar Kerajaan Terhadap Keselamatan.
- (iii) Hubungan Malaysia dengan negara-negara ASEAN, Islam, Berkecuali, Commonwealth, Komunis dan lain-lain.

(5) *Ethika*

- (i) Panduan Perkhidmatan Cemerlang.
- (ii) Cara-cara untuk meninggikan lagi kecekapan dan mutu perkhidmatan awam.

Bahagian ini terbahagi kepada 2 seksyen iaitu:

SEKSYEN "A"

Soalan berbentuk aneka pilihan 40.
 Markah 40.
 Masa 1 jam.

Dalam seksyen ini calon-calon *adalah dibenarkan* membuat rujukan kepada bahan-bahan bacaan.

SEKSYEN "B"

Soalan berbentuk esei 6 jawab 4.
 Markah 60.
 Masa 2 jam.

Dalam seksyen ini calon-calon *adalah tidak dibenarkan* membuat rujukan kepada bahan-bahan bacaan.

- 4. Pengecualian Seseorang calon yang telah lulus dalam mana-mana bahagian adalah dikecualikan daripada mengambil Bahagian tersebut.
- 5. Kelulusan Lulus/Kandas.
- 6. Pemeriksa Akan dilantik oleh Panel Subjek Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam.
- 7. Bahasa: (soalan dan jawapan) Bahasa Malaysia.
- 8. Permohonan dikemukakan kepada Urusetia Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia.
- 9. Pusat Peperiksaan Akan ditetapkan oleh Urusetia Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia.
- 10. Keseringan dan tarikh peperiksaan Sekali setahun.
- 11. Tarikh akhir mengemukakan permohonan Sebulan sebelum tarikh peperiksaan.

CATITAN

Senarai bahan-bahan bacaan:

- (i) NEGARA KITA - Keluaran INTAN.

- (ii) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN.
- (iii) PRINSIP PERLEMBAGAAN DAN PEMERINTAHAN--Oleh Datuk Mohd. Salleh bin Abas.
- (iv) PANDUAN PERKHIDMATAN CEMERLANG.

PEPERIKSAAN BAGI PEGAWAI KERANI RENDAH
DALAM PERCUBAAN

1. Tujuan Peperiksaan Untuk disahkan dalam jawatan.
2. Pegawai yang berkelayakan mengambil peperiksaan Pegawai Kerani Rendah dalam percubaan.
3. Sukatan Peperiksaan: (termasuk markah lulus, masa dan buku-buku rujukan). BAHAGIAN I - UJIAN MENAIP

Kederasan hendaklah tidak kurang dari 18 p.s.m. Ujian ini boleh diambil oleh calon-calon pada bila-bila masa dalam tempoh percubaan mereka dan hendaklah dijalankan mengikut peraturan di dalam Panduan Cara-cara Memeriksa Peperiksaan Ujian Kederasan dan Kecekapan bagi Jurutaip.

BAHAGIAN II - ARAHAN PERKHIDMATAN

Soalan-soalan adalah berdasarkan kepada Buku Arahan Perkhidmatan Bab (1, 2, 3, 4, 5, 6, 7 dan 8).

Masa 1 jam.
Markah 100.
Soalan: (aneka pilihan) ... 40.

Calon-calon *adalah dibenarkan* membuat rujukan kepada bahan-bahan bacaan.

BAHAGIAN III - PERINTAH AM

Soalan-soalan adalah berdasarkan kepada Buku Perintah Am Bab A, B, C dan D-Bahagian I.

Masa 1 1/2 jam.
Markah 100.
Soalan: (aneka pilihan) ... 60.

Calon-calon *adalah dibenarkan* membuat rujukan kepada bahan-bahan bacaan.

4. Pengecualian Seseorang calon yang telah lulus dalam mana-mana bahagian dalam peperiksaan adalah dikecualikan daripada mengambil Bahagian tersebut.

- | | | | | | | |
|----|-------------------------------|-----|-----|-----|-----|--|
| 5. | Kelulusan | ... | ... | ... | ... | Lulus/Kandas. |
| 6. | Pemeriksa | ... | ... | ... | ... | Akan dilantik oleh Panel Sabjek Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam. |
| 7. | Bahasa: (soalan dan jawapan) | | | | | Bahasa Malaysia |
| 8. | Permohonan dikemukakan kepada | | | | | Urusetia Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia. |
-

lampiran C-1

- | | | | | | | |
|-----|-------------------------|--------------|--------|--|--|---|
| 9. | Pusat Peperiksaan | ... | ... | | | Akan ditetapkan oleh Urusetia Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia. |
| 10. | Keseringan peperiksaan | dan | tarikh | | | Dua kali setahun. |
| 11. | Tarikh akhir permohonan | mengemukakan | | | | Sebulan sebelum tarikh peperiksaan. |

CATITAN

Senarai bahan-bahan bacaan:
 Bahagian II ...Arahan
 Perkhidmatan.
 Bahagian III ... Perintah Am.

PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN KEDUA BAGI PEGAWAI
KERANI RENDAH

1. Tujuan Peperiksaan Untuk melangkah sekatan kecekapan.
2. Pegawai yang berkelayakan mengambil peperiksaan Pegawai Kerani Rendah yang telah disahkan dalam jawatannya.
3. Sukatan Peperiksaan: BAHAGIAN I - PENTADBIRAN AM
(termasuk kertas, markah soal-an dan masa yang ditetapkan)

Soalan-soalan akan ditanya berhubung dengan Perkara-perkara berikut:

- (i) Perintah Am Bab A, B, C dan D;
- (ii) Arahan Perkhidmatan.

Masa 1 jam.

Markah 100.

Soalan: (aneka pilihan) ... 40.

Calon-calon *hanya dibenarkan* merujuk kepada Arahan dan Perintah di atas sahaja.

BAHAGIAN II - PERATURAN KEWANGAN

Soalan-soalan adalah berdasarkan kepada Buku Arahan Perbendaharaan Bab B III (i) - (viii)

Masa 1 jam.

Markah 100.

Soalan: (aneka pilihan) ... 40.

Calon-calon *adalah dibenarkan* membuat rujukan kepada bahan-bahan bacaan.

BAHAGIAN III - PERKARA AM

Soalan-soalan akan berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:

- (i) *Masyarakat Malaysia.*
Asal Usul Kaum-kaum di Malaysia.
Jentera Pentadbiran Kerajaan
- (ii) Fungsi-fungsi umum agensi-agensi pusat.
Perlembagaan Persekutuan
Bahagian I - Negeri-negeri, Ugama dan Undang-undang Persekutuan.
- (iii) Bahagian II - Kebebasan Asasi.
Dasar Kerajaan Semasa
Dasar pembangunan Malaysia.
Ethnika
Panduan Perkhidmatan Cemerlang.
- (iv)
- (v)

Bahagian ini terbahagi kepada 2 seksyen iaitu:

SEKSYEN "A"

Soalan berbentuk aneka, pilihan 40.

Markah 40.

Masa 1 jam.

Dalam bahagian ini calon-calon *dibenarkan* membuat rujukan kepada bahan-bahan bacaan.

SEKSYEN "B"

Soalan berbentuk Esei 6 jawab 4.

Markah 60.

Masa 2 jam.

Dalam seksyen ini calon-calon *tidak dibenarkan* membuat rujukan kepada bahan-bahan bacaan.

- | | | | | |
|-----|--------------------------------------|-----|-----|--|
| 4. | Pengecualian | ... | ... | Calon-calon yang lulus mana-mana bahagian atau seksyen dikecualikan daripada mengambil Bahagian atau Seksyen tersebut. |
| 5. | Kelulusan | ... | ... | Lulus/Kandas. |
| 6. | Pemeriksa | ... | ... | Akan dilantik oleh Panel Subjek Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam. |
| 7. | Bahasa: (soalan dan jawapan) | | | Bahasa Malaysia. |
| 8. | Permohonan dikemukakan kepada | | | Urusetia. Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia. |
| 9. | Pusat Peperiksaan | ... | ... | Akan ditetapkan oleh Urusetia Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia. |
| 10. | Keseringan dan tarikh peperiksaan | | | Sekali setahun. |
| 11. | Tarikh akhir mengemukakan permohonan | | | Sebulan sebelum tarikh peperiksaan. |

CATITAN

Senarai bahan-bahan bacaan:

1. Bahagian I dan II :

Perintah-perintah Am dan Arahan seperti tersebut dalam sukatan.

2. Bahagian III :

(i) NEGARA KITA - Keluaran INTAN.

Bab 1 ... Asal-usul kaum di Malaysia;

Bab 8 ... Dasar dan strategi pembangunan negara;

Bab 12 ... Fungsi-fungsi umum agensi-agensi pusat.

(ii) Perlembagaan Persekutuan.

(iii) Panduan Perkhidmatan Cemerlang

PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PERTAMA BAGI JURUTRENGKAS

1. Tujuan Peperiksaan Untuk pengesahan dalam jawatan.
 2. Pegawai yang berkelayakan mengambil peperiksaan Jurutrengkas-jurutrengkas dalam tempoh percubaan.
 3. Sukatan Peperiksaan: BAHAGIAN I - UJIAN TRENGKAS KERAJAAN
(termasuk masa, markah dan)
soalan)
Calon-calon dikehendaki menulis trengkas dengan kederasan 80 p.s.m. daripada rencana yang diberikan dan menaip salinan trengkas itu sederas 20 p.s.m. dengan membuat kesalahan tidak melebihi 40%.
- BAHAGIAN II - ARAHAN PERKHIDMATAN
- Kertas ini adalah mengenai Arahan Perkhidmatan.
- Masa 1 jam.
- Markah 100.
- Soalan: (aneka. pilihan) ... 40.
- Calon-calon *dibenarkan* merujuk kepada bahan-bahan bacaan semasa peperiksaan.
4. Pengecualian Seseorang calon yang lulus mana-mana Bahagian adalah dikecualikan daripada mengambil Bahagian itu lagi.
 5. Kelulusan Lulus/Kandas.
 6. Pemeriksa Akan dilantik oleh Panel Subjek Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam, Malaysia.
 7. Bahasa: (soalan dan jawapan) Bahasa Malaysia.

8. Permohonan dikemukakan Urusetia Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan Awam, kepada Malaysia.
9. Pusat Peperiksaan Akan ditetapkan oleh Urusetia Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia.
10. Kesianan dan tarikh Dua kali setahun.
peperiksaan
11. Tarikh akhir mengemukakan Sebulan sebelum tarikh peperiksaan
permohonan

CATITAN

Senarai bahan-bahan bacaan:

Bahagian II ... Arahan Perkhidmatan.

PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN KEDUA BAGI JURUTRENGKAS

1. Tujuan Peperiksaan Untuk melangkah sekatan kecekapan dan untuk dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurutrengkas Kanan yang kosong.
2. Pegawai berkeelayakan yang mengambil peperiksaan yang Jurutrengkas-jurutrengkas yang telah disahkan dalam jawatan.
3. Sukatan Peperiksaan: (termasuk masa, markah dan soalan) BAHAGIAN I - AMALAN KESETIAUSAHAAN DAN PANDUAN KESELAMATAN
Kertas peperiksaan ini mengandungi dua pecahan, (a) dan (b) seperti berikut.

Pecahan (a)

Soalan-soalan adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:
 - (i) Menyediakan draf-draf surat untuk Pegawai-pegawai Kanan.
 - (ii) Cara-cara menyusun/menyimpan daftar buku-buku panduan dan rujukan, Arahan-arahan Kerajaan dan lain-lain surat menyurat atau memo-memo penting.
 - (iii) Cara-cara mengatur mesyuarat, perjumpaan-perjumpaan dan lawatan-lawatan rasmi.
 - (iv) Menyedia agenda dan menulis minit-minit ringkasan dan laporan.

Pecahan (b)

Kertas ini adalah mengenai Panduan Keselamatan.

Masa 1 jam.

Markah 100.

Soalan: (aneka pilihan) ... 40.

Calon-calon *adalah dibenarkan* merujuk kepada bahan-bahan semasa peperiksaan bagi kertas pecahan (b) di atas.

BAHAGIANII - PERINTAH AM

Soalan-soalan adalah berdasarkan Perintah-perintah Am Bab [B](#), [C](#) dan [D](#) (Bahagian I) serta Pekeliling Perkhidmatan dan lain-lain Arahan yang berkaitan dengan Bab-bab Perintah Am di atas Yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

Masa 1  jam.

Markah 100.

Soalan: (aneka pilihan) ... 60.

Calon-calon *dibenarkan* merujuk kepada bahan-bahan bacaan semasa peperiksaan bagi Bahagian ini.

4. Pengecualian Seseorang calon yang telah lulus mana-mana, Bahagian atau Pecahan adalah dikecualikan daripada mengambil Bahagian atau Pecahan itu lagi.
5. Kelulusan Lulus/Kandas.
6. Pemeriksa Akan dilantik oleh Panel Subjek Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam.
7. Bahasa: (soalan dan jawapan) Bahasa Malaysia.
8. Permohonan dikemukakan kepada Urusetia, Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia.
9. Pusat Peperiksaan Akan ditetapkan oleh Urusetia Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia

10. Keseringan dan tarikh Sekali setahun.
peperiksaan
11. Tarikh akhir mengemukakan Sebulan sebelum tarikh peperiksaan.
permohonan

CATITAN

Senarai bahan-bahan bacaan:

Bahagian I

- Pecahan (a)
- (i) Arahan Perkhidmatan Bab 3, 4, 5 dan 6.
 - (ii) Secretarial Duties (Sixth Edition) oleh John Horrison.
 - (iii) National Language and Administrators Oleh Abdullah Sanusi Ahmad dan Hasan Ibrahim (D.B.P.), Kementerian Pelajaran Percetakan Kum. Kuala Lumpur. (Percetakan Pertama -1968).
- Pecahan (b)
- (i) Panduan Keselamatan Kerajaan.
 - (ii) Perintah-perintah Am Bab B, C dan D (Bahagian I).
 - (iii) Pekeliling-pekeling dan surat-surat pekeling dan lain-lain Arahan yang berkaitan dengan Bab-bab berkenaan di atas yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

PEPERIKSAAN KHAS BAGI PEGAWAI KERANI RENDAH

1. Tujuan Peperiksaan Untuk melayakkan bagi perantikan ke Skim Pegawai Kerani Am.
2. Pegawai-pegawai yang berkeelayakan mengambil peperiksaan ini Pegawai Kerani Rendah yang telah disahkan dalam jawatannya.
3. Sukatan Peperiksaan: (termasuk markah lulus, masa dan buku-buku rujukan) BAHAGIAN I - KARANGAN, KEFAHAMAN, SURAT KIRIMAN DAN PERKARA AM

(i) *Karangan*

Calon-calon dikehendaki membuat satu karangan yang panjangnya lebih kurang 250 perkataan atas salah satu daripada tajuk-tajuk yang diberikan.

(ii) *Kefahaman*

Calon-calon dikehendaki menjawab soalan-soalan daripada salah satu petikan rencana.

(iii) *Surat Kiriman*

Calon-calon dikehendaki mengarang satu surat kiriman yang panjangnya lebih 100 perkataan mengenai salah satu daripada tajuk-tajuk yang diberikan, yang ada kaitannya dengan perkara-perkara rasmi di pejabat-pejabat Kerajaan.

(iv) *Perkara Am*

(1) Masyarakat Malaysia

- (i) Asal usul kaum-kaum di Malaysia.
- (ii) Konsep-konsep perpaduan.

(2) Susunan Pentadbiran Kerajaan.

Masa ... 3 jam.
Markah 100.
... Soalan 7 jawab 5, satu soalan bagi tiap-tiap pecahan (i), (ii) dan (iii) dan 2 soalan dari pecahan (iv).

Calon-calon *tidak dibenarkan* membuat rujukan ke bahan-bahan bacaan.

BAHAGIAN II - PERATURAN KEWANGAN

Soalan-soalan adalah berdasarkan kepada Buku Arahan Perbendaharaan Bab B I (i) - (viii).

Masa	1	jam.
Markah		100.
Soalan: (aneka pilihan)	...	40.			

Calon-calon *adalah dibenarkan* membuat rujukan kepada bahan-bahan bacaan.

- | | | | | | | |
|-----|--------------------------------------|-----|-----|-----|------|--|
| 4. | Pengecualian | ... | ... | ... | (i) | Seseorang calon yang telah lulus mana-mana Bahagian adalah dikecualikan daripada mengambil bahagian itu lagi. |
| | | | | | (ii) | Seseorang calon yang telah lulus Bahasa Melayu (Syllabus X/Bahasa Malaysia II dalam peperiksaan-peperiksaan Sijil Persekolahan Seberang Laut/Federation of Malaysia, atau lulus Bahasa Malaysia dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia adalah dikecualikan daripada mengambil Bahagian I Peperiksaan Khas bagi Pegawai Kerani Rendah, dengan syarat ia membuat permohonan ke Jabatan Perkhidmatan Awam dengan menyertakan satu salinan sijil yang berkenaan yang telah disahkan oleh Ketua Pejabatnya. |
| 5. | Kelulusan | ... | ... | ... | ... | Lulus/Kandas. |
| 6. | Pemeriksa | ... | ... | ... | ... | Akan dilantik oleh Panel Subjek Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam. |
| 7. | Bahasa: (soalan dan jawapan) | | | | | Bahasa Malaysia. |
| 8. | Permohonan dikemukakan kepada | | | | | Akan ditetapkan oleh Urusetia Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia. |
| 9. | Pusat Peperiksaan | ... | ... | | | Akan ditetapkan oleh Urusetia Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia. |
| 10. | Keseringan dan tarikh peperiksaan | | | | | Sekali setahun. |
| 11. | Tarikh akhir mengemukakan permohonan | | | | | Sebulan sebelum tarikh peperiksaan. |

CATITAN

Senarai bahan-bahan bacaan:

- | | | | | | | |
|------------|-----|-----|-----|-----|-------|---|
| Bahagian I | ... | ... | ... | ... | (I) | Bahasa Melayu Baharu, Bahagian I dan II, oleh Daud Baharom dan Mrs Chuan Siu Oxford. |
| | | | | | (II) | National Language and Administration oleh Abdullah Sanusi dan Hassan Ibrahim - D.B.P. |
| | | | | | (III) | Kamus Dewan (D.B.P.) |
| | | | | | (IV) | (i) Buku Rasmi Tahunan Malaysia disemak dan |

dicetak tahunan oleh Pencetak Kerajaan.

- (ii) Malaysia-Survey oleh Prof. Wang Gung Wu.
- (iii) Prinsip Perlembagaan dan Pemerintahan oleh Datuk Mohd Salleh bin Abbas.
- (iv) Buku NEGARA KITA.

Bahagian II Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling-pekiling dan Surat-surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan.